



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR (PETRA)

13 PROJEK SOLAR BERSKALA BESAR TERMASUK ANTARA LOJI JANA KUASA SOLAR TERAPUNG TERBESAR DILULUSKAN DIBAWAH LSS PETRA 5+

PUTRAJAYA, 2 September 2025 – Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) melalui Suruhanjaya Tenaga pada 20 Januari 2025 telah membuka **permohonan kuota solar sebanyak 2,000MW_{ac} melalui proses bidaan terbuka** di bawah Program LSS PETRA 5+ atau *Large Scale Solar* – Peralihan Tenaga SuRiA Pusingan Kelima Tambahan. Program LSS PETRA 5+ ini menawarkan 2 pakej iaitu:

- **Pakej 1** untuk pembangunan loji jana kuasa solar dengan kapasiti antara 30MW_{ac} hingga 500MW_{ac}. Kategori ini terbuka kepada syarikat dengan pemilikan tempatan sekurang-kurang 51%. Jumlah kuota yang ditawarkan di bawah kategori ini adalah 1,500MW_{ac}; dan
- **Pakej 2** untuk pembangunan loji jana kuasa solar di badan air dengan kapasiti antara 10MW_{ac} hingga 500MW_{ac}. Kategori ini terbuka kepada syarikat dengan pemilikan tempatan sekurang-kurang 51%. Jumlah kuota yang ditawarkan di bawah kategori ini adalah 500MW_{ac}.

Proses bidaan terbuka ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan di mana Suruhanjaya Tenaga telah menerima 37 permohonan untuk kedua-dua pakej tawaran dengan jumlah kapasiti 4,073MW, iaitu 2.0 kali melebihi jumlah kuota yang ditawarkan.

Penilaian menyeluruh telah dilaksanakan terhadap tawaran bidaan hasilnya 13 pembida yang mematuhi kesemua syarat *Request For Proposal* telah berjaya dalam bidaan ini. Jumlah kapasiti yang diluluskan adalah berjumlah 1,975MWac iaitu yang terbesar sejak bidaan LSS dilaksanakan. Sejak Program LSS diperkenalkan pada tahun 2016, kuota sebanyak 4,263MWac telah diluluskan.

Pelaksanaan Program LSS secara bidaan terbuka telah berjaya melahirkan ramai pemaju solar tempatan yang berkeupayaan dan berpotensi untuk membangunkan loji jana kuasa solar pada kadar tarif yang kompetitif. Kelulusan kapasiti pembangunan solar di bawah LSS PETRA 5+ yang baharu ini dijangka menjana pelaburan sebanyak RM6 bilion dan mewujudkan sebanyak 12,000 peluang pekerjaan dalam industri TBB.

Projek penjanaan solar berskala besar yang bakal dibangunkan ini akan mula menjana dan membekalkan elektrik mulai tahun 2027 dan 2028, ini termasuk antara projek solar terapung terbesar di negara ini dengan jumlah kapasiti 200MWac. Suruhanjaya Tenaga akan mengeluarkan perincian lanjut mengenai keputusan bidaan ini.

PETRA yakin bahawa pelaksanaan inisiatif ini akan menyumbang secara signifikan kepada aspirasi peralihan tenaga negara untuk meningkatkan campuran kapasiti tenaga boleh baharu (TBB) dalam sistem pembekalan

elektrik negara kepada 70% menjelang tahun 2050, selain menyokong komitmen PETRA untuk mengurangkan jejak karbon sektor bekalan elektrik negara, selaras dengan prinsip kemampanan Malaysia MADANI.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
2 SEPTEMBER 2025

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my

